



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



BULETIN KESUMBA

EDISI XII: JULAI 2023 - JUN 2024





ISI KANDUNGAN

- EXCO TERTINGGI KESUMBA - i
- BICARA HATI ii-iii
- SECEBIS BICARA - iv
- MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KESUMBA KALI KE-26 - 1
- PROGRAM 3000 STEPS CHALLENGE - 2
- LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE YOGYAKARTA INDONESIA (LASBELA) - 3
- PROJEK KECERIAAN CAFE KESUMBA KAL TINGKAT 11 - 4
- PROGRAM KIBAR JALUR GEMILANG - 5
- KESUMBA MERDEKA POWER WALK - 6
- PROGRAM HEALTH AWARENESS: VITAMINS & SUPPLEMENTS - 7
- KESUMBA MENUJU UMS PEAK - 8
- KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA PUSAT KERJAYA DAN PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN PELAJAR UMS KEPADA KESUMBA. - 9
- LAWATAN PEMERIKSAAN ASET - 10
- AKTIVITI JUALAN AMAL KESUMBA KAL DI SJK(C) CHI WEN - 11
- LAWATAN KE FAKULTI PERTANIAN LESTARI, UMS SANDAKAN - 12
- ROLL & BOUNCE: GLIDE INTO THE FUN! - 13
- MESYUARAT (KHAS) KESUMBA BIL.1.2024 - 14
- MESYUARAT (KHAS) KESUMBA BIL.2.2024 - 15
- PERLAWANAN PERSAHABATAN DIANTARA KESUMBA FPL DAN PERKEP - 16
- MESYUARAT KESUMBA BIL.1.2024 (9) - 17
- SESI PERKONGSIAN ILMU 'JOM ISI UPU ONLINE' - 18
- WALK N' TALK SIRI 4 SEMPENAPELANCARAN SAMBUTAN HARI WANITA PERINGKAT UMS TAHUN 2024 - 19
- PROGRAM JOM SIHAT: 'STRETCH WITH ME' - 20
- MAJLIS BACAAN YAASIN & DOA SELAMAT - 21
- PROGRAM HARI WANITA ANTARABANGSA PERINGKAT KESUMBA FPL (BICARA WANITA) - 22
- PROGRAM HARI WANITA KESUMBA KAL - 23
- PROGRAM HARI WANITA ANTARABANGSA PERINGKAT KESUMBA FPL (JUALAN ISTIMEWA UNTUKMU) - 24
- PROGRAM HARI WANITA ANTARABANGSA PERINGKAT KESUMBA FPL (PERLAWANAN PERSAHABATAN BADMINTON) - 25
- PROGRAM TADARUS KESUMBA KAL - 26
- WEBINAR : MEMBINA TULANG YANG LEBIH KUAT : KESEDARAN DAN PENCEGAHAN OSTEOPOROSIS - 27
- BAH! SUNGKAI KITA BUBUR LAMBUK 3.0! - 28
- PROGRAM ZIARAH RAMADAN 1445H KESUMBA KAL - 29
- MAJLIS KHATAM AL-QURAN BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN IHYA RAMADAN PERINGKAT UMS 1445H/2024M - 30
- MAJLIS BERBUKA PUASA KESUMBA KAL - 31
- BAZAR RAYA KESUMBA - 32
- PROGRAM IHYA' RAMADAN 1445H KESUMBA KAL - 33
- TAMU KESUMBA FPL - 34
- MAJLIS HARI RAYA AIDILFITRI DAN KHATAM AL QURAN KESUMBA KAL - 35
- BIRTHDAY SURPRISE Pengerusi KESUMBA - 36
- KEJOHANAN LIGA SUKAN KOMUNITI BAHAGIAN PANTAI BARAT TAHUN 2024 (BOLA TAMPAR WANITA) - 37
- PROGRAM ECO ECHOES BERSAMA EXCO DAN AHLI KESUMBA FPL - 38
- "HUMS HEARTS & HEROES @ DOWN SYNDROME" - 39
- "PELANCARAN KESUMBA CARE 4.0" - 40
- LAGU KESUMBA "MAJU SEHATI" - 41

SIDANG EDITOR

Ketua Editor: Puan Rosmariyani Binti Saibin


Editor: Puan Norazilah Binti Tuman / Puan Jayanti Binti Jamaluddin



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

EXCO TERTINGGI KESUMBA

2023/2025





BICARA HATI **YANG DIPERTUA** **KESUMBA**

**Assalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh..**

Pertama sekali saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah subhanawata'alah kerana dengan limpah dan kurnianya sekali lagi buletin tahunan KESUMBA ini berjaya dikeluarkan.

Saya juga amat bersyukur kerana ini merupakan buletin KESUMBA edisi ke-12. Pengisian berkisarkan aktiviti tahunan KESUMBA memberi peluang kepada ahli mengimbau perjalanan KESUMBA sepanjang setahun berlalu. Terima kasih kepada Jawatankuasa Induk yang sentiasa bertungkus lumus memastikan KESUMBA sentiasa bergiat aktif menjalankan pelbagai aktiviti, malahan setiap tahun sentiasa ada pembaharuan yang dilaksanakan.

Pihak Pengurusan Universiti pula sentiasa memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada KESUMBA terutamanya Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Kasim Haji Mansor, Naib Canselor UMS merangkap penasihat KESUMBA.



Selain daripada itu, saya amat berterima kasih kepada Jawatankuasa Induk KESUMBA kerana dapat mengadakan pelbagai aktiviti kepada ahli-ahli KESUMBA. Jawatankuasa KESUMBA-KAL dan KESUMBA FPL tidak kurang hebatnya, mereka telah berjaya pelbagai aktiviti pengembangan ilmu dan kebajikan kepada setiap ahli. Penambahan ahli KESUMBA yang baru rata-rata dari kalangan kakitangan dan isteri kepada kakitangan lelaki kampus UMS-KAL dan UMS-FPL. Tahniah diucapkan kepada exco KESUMBA-KAL dan KESUMBA-FPL.

KESUMBA akan terus berpegang kepada moto kelab ini iaitu Maju Sehati serta menjadikan kasih sayang, Harmoni dan Ikhlas sebagai pegangan bersama menuju kejayaan. Sekian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

KESUMBA

"MAJU SEHATI"

Datin Aidah Mohd Ali
Yang Dipertua KESUMBA



Alhamdulillah, saya ingin memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana memberi peluang dan kesempatan untuk memberi secebis bicara lagi dalam buletin KESUMBA edisi ke-12 bagi tahun 2024 ini.

Sebagai Setiausaha Kehormat kelab, saya amat berbangga dengan komitmen yang diberikan oleh Ketua-ketua Biro KESUMBA dan pasukan masing-masing kerana dalam kesibukan tugas masing-masing mereka masih sempat menyelitkan beberapa aktiviti khusus buat ahli-ahli kelab ini. Sepanjang Julai 2023 sehingga Jun 2024, terdapat 40 aktiviti berjaya dijalankan dengan beberapa aktiviti menarik yang lain masih dalam perancangan dan diharap dapat dijalankan kelak.

Di kesempatan ini juga saya ingin berterima kasih kepada ahli-ahli KESUMBA dan pada masa yang sama menyeru ahli-ahli kelab untuk terus menyokong dan melibatkan diri dalam aktiviti yang dianjurkan. Saya juga mengalu-alukan kakitangan dan isteri kakitangan lain untuk mendaftar sebagai ahli kelab ini untuk sama-sama manfaat daripada aktiviti. Diharap dengan penglibatan puan-puan sekalian akan mengeratkan lagi tali silatulahim dan persefahaman antara kita.

STELLA@NURUL MARTINI GONTOL
Setiausaha Kehormat



TARIKH AKTIVITI: 7 JULAI 2023(JUMAAT)

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KESUMBA KALI KE-26



Mesyuarat Agung Tahunan KESUMBA kali ke 26 (MAT KESUMBA Kali Ke-26) telah berjaya dilaksanakan pada 7 Julai 2023 (Jumaat) bertempat di Galeri, Canselori Aras 3. Mesyuarat Agung Tahunan ini telah dirasmikan oleh YBhg. Prof Datuk Dr Kasim Haji Mansor, Naib Canselor UMS merangkap Penasihat KESUMBA. Datuk Dr Kasim dalam ucapannya merasa amat kagum dengan perkembangan kelab KESUMBA yang banyak membuat perubahan sejajar dengan perubahan yang dibawa oleh universiti. Dalam tempoh setahun, KESUMBA telah melaksanakan sebanyak 64 aktiviti yang dilaksanakan di Kampus Induk Kota Kinabalu, Kampus Antarabangsa Labuan dan Fakulti Pertanian Lestari, Sandakan.

Turut hadir sepanjang Mesyuarat Agung Tahunan KESUMBA adalah Yang Dipertua KESUMBA, Datin Aidah Mohd Ali. MAT KESUMBA 26 telah berakhir dengan sesi pemilihan exco KESUMBA yang basgi sesi 2023/2025. Tahniah diucapkan kepada barisan exco Baharu yang dilantik!






PROGRAM 3000 STEPS CHALLENGE

**DISEDIAKAN OLEH:
BIRO PENERANGAN &
PERHUBUNGAN KAL**

Mengamalkan aktiviti berjalan kaki sebagai salah satu aktiviti Jom Hidup Sihat UMS agar warga Universiti sentiasa cergas dan aktif. Program ini menetapkan sasaran iaitu 1000 langkah dan masa yang diberi adalah dalam tempoh masa selama 2 jam serta merupakan anjuran KESUMBA KAL bersama Pusat Penataran Imu dan Bahasa (PPIB) KAL. Pengarah Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan iaitu Prof. Madya Dr. Mohamad Rizal Abdul Hamid berkelapangan untuk merasmikan Program 3000 Steps Challenge sekaligus memulakan 1000 langkah sihat bersama ahli KESUMBA KAL serta beberapa warga Universiti. Program dimulakan dengan senaman ringan yang diketuai oleh itu Dr. Rini Suryati Sulong iaitu merupakan Biro Sukan & Kebudayaan KESUMBA KAL.



**TARIKH AKTIVITI :
21 JULAI 2023 (JUMAAT)**



LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE YOGYAKARTA INDONESIA (LASBELA)

TARIKH AKTIVITI: 25 – 29 JULAI 2023 (SELASA – SABTU)

DISEDIAKAN OLEH: BIRO SUKAN, SOSIAL & REKREASI

Program ini adalah salah satu inisiatif yang perlu dijalankan setiap tahun bagi memberi peluang kepada semua ahli KESUMBA seperti memahami dan menghargai perubahan dan kepelbagaian khususnya dalam konteks bekerja dalam norma baharu, meningkatkan darjah kegembiraan dalam bekerja sama ada individu atau kumpulan dan seterusnya dapat menyatukan budaya antara dua buah institusi ilmu. Program ini telah diadankanselama 5 hari 4 malam bertempat di Yogyakarta, Indonesiapada tarikh 25 sehingga 29 Julai 2023. Seramai 20 ahli KESUMBA yang telah menyertai trip tersebut.





PROJEK KECERIAAN CAFE KESUMBA KAL TINGKAT 11

TARIKH AKTIVITI : 11 OGOS – 15 SEPTEMBER 2023 (JUMAAT-JUMAAT)

DISEDIAKAN OLEH: BIRO PENERANGAN & PERHUBUNGAN KAL

Aktiviti Projek Keceriaan Cafe KESUMBA KAL adalah satu inisiatif ahli KESUMBA KAL untuk mengubah suai Cafe KESUMBA KAL yang berada di Tngkat 11, Bangunan Menara UMSKAL. Antara skop utama projek keceriaan ini iaitu membersihkan ruangan cafe, menukar alas meja, susun atur perabot, mendekorasi sudut utama dinding cafe, menambah beberapa kiosk bagi sudut cenderamata dan lain-lain.

Projek yang diketuai oleh Pn. Ruby Zawati Timbang bersama Pn. Eldayana Suhaili serta beberapa ahli turun sama bagi menjayakan projek gotong royong yang mengambil masa hampir sebulan. Cafe KESUMBA KAL ini juga turut mendapat penjenamaan nama baharu sebagai Cafe 11'



PROGRAM KIBAR JALUR GEMILANG

TARIKH AKTIVITI : 21
OGOS 2023 (ISNIN)

DISEDIAKAN OLEH: SETIAUSAHA KESUMBA KAL

Sempena menyambut Hari Kemerdekaan yang bakal tiba, pihak KESUMBA KAL telah mengadakan Program Kibar Jalur Gemilang yang turut dijayakan oleh seluruh warga Kampus Antarabangsa Labuan.

Program Acara yang berlangsung seawal 8.30 pagi ini dimulakan dengan nyanyian 'Jalur Gemilang' serta 'Saya Anak Malaysia' dipimpin oleh Pengarah UMSKAL iaitu Prof. Madya Dr. Mohamad Rizal Abdul Hamid. Warga UMSKAL juga bersama-sama melaungkan 'Merdeka' sebanyak tiga kali sebagai tanda memperingati jasa para pahlawan serta melambangkan semangat kecintaan dalam diri setiap warga Malaysia.





KESUMBA MERDEKA POWER WALK

TARIKH AKTIVITI: 29 OGOS 2023 (SELASA)

DISEDIAKAN OLEH : BIRO SUKAN, SOSIAL & REKREASI



Seramai 21 ahli dan bukan ahli yang telah menyertai program Power KESUMBA Merdeka Power Walk ini yang diadakan pada 29 Ogos 2023 sempena Hari Kebangsaan Malaysia pada 31 Ogos 2023. Perjalanan tersebut adalah bermula dari Dataran Dewan Canselori hingga ke Galeri Azman Hashim bermula jam 4.30 petang.



PROGRAM HEALTH

AWARENESS:

VITAMINS &

SUPPLEMENTS



**Tarikh Aktiviti : 04
September 2023 (Isnin)
Disediakan Oleh: Biro
Penerangan & Perhubungan
KAL**

Pihak KESUMBA KAL telah menjemput pihak Bahagian Perkhidmatan Farmasi Wilayah Persekutuan Labuan untuk datang bagi menyampaikan satu ceramah kesihatan bertajuk 'Health Awareness: Vitamins & Supplements'.

Anjuran dari Biro Pendidikan & Latihan ini adalah bertujuan untuk memberi kesedaran kepada ahli KESUMBA KAL khususnya serta warga UMSKAL dalam pengambilan ubat dan mengenali jenis-jenis ubat yang ada di pasaran tempatan. Di akhir program, pihak Bahagian Perkhidmatan Farmasi Wilayah Persekutuan menjemput agar warga UMSKAL menjadi salah seorang duta ubat di peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.

KESUMBA MENUJU UMS PEAK

Tarikh Aktiviti : 15
September 2023 (Jumaat)

Disediakan Oleh : Biro
Sukan, Sosial & Rekreasi

gala




Program ini diadakan sempena Hari Malaysia pada 16 September 2023. Ini adalah salah satu program perlu diteruskan setiap tahun kerana selain daripada mengajak untuk mengekalkan kesihatan, kita juga dapat mengeratkan silaturrahim dalam kalangan ahli dan juga semua kakitangan dari JAFPIB yang menyertai program ini.

Kunjungan hormat daripada Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan Pelajar UMS kepada KESUMBA.

DISEDIAKAN OLEH
BIRO PENDIDIKAN DAN PEMBELAJARAN

TARIKH AKTIVITI : 21 SEPT 2023, KHAMIS.



Kunjungan hormat daripada
Pusat Kerjaya dan
Pembangunan Keusahawanan
Pelajar UMS kepada KESUMBA.



LAWATAN PEMERIKSAAN ASET

**DISEDIAKAN OLEH:
BENDAHARI KEHORMAT, PENOLONG BENDAHARI KEHORMAT**

TARIKH AKTIVITI : 6 OKT 2023 (JUMAAT)



LAWATAN PEMERIKSAAN ASET DI TERATAK KESUMBA 
PADA 6 OKTOBER 2023



Lawatan Pemeriksaan Aset telah dilaksanakan pada 6 Oktober 2023 di Teratak Kesumba. Pemeriksaan ini dilaksanakan bagi memastikan aset-aset di bawah kendalian Kesumba berada dalam keadaan baik. Lawatan ini disertai oleh Bendahari Kehormat, Penolong Bendahari Kehormat dan Mantan Bendahari Kehormat

DISEDIAKAN OLEH: BIRO PENERANGAN & PERHUBUNGAN KAL

Tarikh Aktiviti : 18 November 2023 (Sabtu)



AKTIVITI JUALAN AMAL KESUMBA KAL DI SJK(C) CHI WEN

SEMPENA ULANGTAHUN SJK(C) CHI WEN KE 111 TAHUN, SATU JUALAN AMAL TELAH DIADAKAN BERTEMPAT DI PERKARANGAN SEKOLAH SJK(C) CHI WEN, WP LABUAN. PIHAK KESUMBA KAL TELAH IKUT SERTA SAMA-SAMA MERAMAIKAN SERTA MENJUAL PELBAGAI MAKANAN DAN KRAFTANGAN YANG DIHASILKAN SENDIRI OLEH AHLI-AHLI KESUMBA KAL.

SELAIN JUALAN AMAL, SALAH SATU TUJUAN KESUMBA KAL MENYERTAI AKTIVITI INI ADALAH UNTUK MEMPROMOSIKAN KELAB KESUMBA KAL DI PERINGKAT WP LABUAN. PELBAGAI JENIS JUADAH MAKANAN DAN BARANGAN DI JUAL PADA HARI TERSEBUT ANTARANYA DAGING RENDANG, TART PORTUGUESE, POPIAH CHEESE DAN LAIN-LAIN. AKTIVITI DISELANGI DENGAN CABUTAN BERTUAH YANG MENARIK DAN BERBALOI DARIPADA PEMBELI KUPON JUALAN AMAL TERSEBUT.

LAWATAN KE FAKULTI PERTANIAN LESTARI, UMS SANDAKAN

Biro Pendidikan & Latihan KESUMBA KAL telah mengadakan satu eksplorasi di antaranya lawatan ke KESUMBA FPL, Sandakan. Kunjungan yang diketuai oleh Puan Pengerusi KESUMBA KAL iaitu Pn. Ku Chen Jung @ Nur Alliyah Ku berkesempatan untuk sama-sama bertukar idea dan cadangan selain merapatkan hubungan antara KESUMBA FPL dan KESUMBA KAL.



Antara lokasi lain yang dikunjungi ialah Persatuan Rumah dan Perkhidmatan Cheshire Sabah (Sabah Cheshire Home), Pusat Pemuliharaan Orang Utan, Sepilok dan lain-lain. Para peserta juga berkesempatan berkhidmat dan telah meraikan anak-anak antaranya orang kurang upaya dan menyumbang beberapa keperluan untuk persatuan tersebut pada hari berkenaan.

Tarikh Aktiviti : 23-26 November 2023 (Khamis-Ahad)

ROLL & BOUNCE: GLIDE INTO THE FUN!

KESUMBA

Disediakan Oleh: Biro Penerangan & Perhubungan KAL

Bersempena dengan sambutan Pesta Tamu Gadang UMSKAL 2023, Kelab KESUMBA KAL telah membuka gerai jualan minuman, makanan serta gerai sewaan kasut roda yang dinamakan Roll & Bounce: Glide Into the Fun!. KESUMBA KAL juga mempelawa warga UMSKAL dan warga WP Labuan untuk sama-sama menyertai sukan berkasut roda ini. Terdapat beberapa tenaga pengajar yang akan mengajar peserta untuk bermain kasut roda.



Aktiviti yang menarik ini adalah bertujuan untuk memeriahkan suasana dan menarik para pengunjung untuk sama-sama menghadiri acara yang di adakan di Pesta Tamu Gadang UMSKAL 2023. Selain itu, secara tidak langsung dapat mengadakan aktiviti beriadah bersama-sama dengan keluarga tersayang.



Tarikh Aktiviti : 8 Februari 2024 (Khamis)

MESYUARAT (KHAS) KESUMBA BIL.1.2024

Setiausaha Kehormat KESUMBA berkesempatan mengadakan Mesyuarat Khas bersama Ketua Biro dan wakil pada 8 Februari 2024 sempena mengadakan lawatan kerja ke FPL.

Dalam mesyuarat tersebut, ahli telah menyampaikan beberapa cadangan dan saling bertukar-tukar pandangan bagi memantapkan lagi pengurusan KESUMBA di FPL. Pn. Stella @ Nurul Martini Gontol telah mencadangkan agar ahli mengadakan beberapa aktiviti sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa yang akan disambut pada 8 Mac 2024.




**DISEDIAKAN OLEH: SANTY KARIM,
PENOLONG SETIAUSAHA KESUMBA FPL**

Beliau juga sempat menyampaikan sedikit sumbangan kebajikan untuk Pengerusi KESUMBA FPL melalui Dekan.



TARIKH AKTIVITI : 14 FEBRUARI 2024 (RABU)

MESYUARAT (KHAS) KESUMBA BIL.2.2024



**Disediakan Oleh: Santy Karim,
Penolong Setiausaha KESUMBA FPL**

Mesyuarat Khas Bil.2/2024 telah diadakan pada 14 Februari 2024 hasil daripada saranan daripada Setiausaha Kehormat, Pn. Stella @ Nurul Martini Gontol semasa Mesyuarat Khas Bil.1/2024 yang lepas. Pihak KESUMBA FPL telah menjemput Pn. Siti Khadizah Yaakob, Bendahari Kehormat dan Pn. Nazrah Umdan, Penolong Bendahari Kehormat untuk membincangkan isu berkaitan kewangan dan akaun KESUMBA di FPL.

Pelbagai persoalan berkaitan prosedur kewangan dan perolehan telah dibincangkan bagi memastikan kesumba FPL melaksanakan tadbir urus kewangan mengikut peraturan dan pekeliling yang telah ditetapkan.



Disediakan Oleh: Rosnie Phelemon, Ketua Biro Sukan, Sosial & Rekreasi KESUMBA FPL

PERLAWANAN PERSAHABATAN DIANTARA KESUMBA FPL DAN PERKEP

Perlawanan Persahabatan Badminton diantara KESUMBA FPL dan PERKEP BT10 Sandakan telah diadakan pada 14 Februari 2024, bertempat di Dewan Serbaguna FPL.

Seramai 8 orang ahli kesumba menjadi wakil dalam pertandingan ini manakala PERKEP diwakili oleh 9 pemain.



Perlawanan yang berlangsung selama 2 jam itu telah memberi kemenangan kepada team PERKEP. Aktiviti ini telah mewujudkan kemesraan diantara para pemain, mengeratkan persahabatan, memantapkan lagi prestasi permainan dan semangat kesukanan.

TARIKH AKTIVITI : 16 FEBRUARI 2024 (JUMAAT)

MESYUARAT KESUMBA BIL.1.2024 (9)




**Disediakan Oleh: Santy Karim,
Penolong Setiausaha KESUMBA FPL**

Kesumba FPL telah mengadakan Mesyuarat Kesumba Bil.1/2024 kali ke-9 pada 16 Februari 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Dekan, FPL. Mesyuarat dipengerusikan oleh Setiausaha Kesumba FPL, Pn. Dg. Zuraidyah manakala ahli pula terdiri daripada Ketua-ketua Biro dan wakil.

Mesyuarat membincangkan perancangan aktiviti dan anggaran peruntukan kewangan kesumba bagi tahun 2024. Mesyuarat turut membincangkan strategi untuk menarik lebih ramai ahli dan hebahan aktiviti yang lebih berkesan. Selain itu, perjalanan pelaksanaan Sambutan Hari Wanita di FPL juga turut dibincangkan.

SESI PERKONGSIAN ILMU 'JOM ISI UPU ONLINE'

TARIKH AKTIVITI : 23 FEBRUARI 2024
(JUMAAT)



KESUMBA
KELAB SUKSES DAN STAF WANITA UNIVERSITI MALAYSIA DAN
KAMPUS ANTARABANGSA LABUAN

Sesi Perkongsian Ilmu JOM ISI UPU ONLINE

**JUMAAT**
23 FEBRUARI 2024

**2:30 PETANG**
PODIUM A
BANGUNAN MENARA UMSKAL



PENCERAMAH

PROF. MADYA DR. SYED NASIRIN BIN SYED ZAINOL ABIDIN
FAKULTI KOMPUTERAN DAN INFORMATIK
UMS KAMPUS ANTARABANGSA LABUAN

 TERBUKA KEPADA IBU/BAPA/PELAJAR LEPASAN SPM/
STPM 2023

 PENYERTAAN ADALAH PERCUMA DAN TERHAD KEPADA
50 ORANG SAHAJA

 IMBAS KOD QR UNTUK MENDAFTAR

**SCAN ME**

**UNTUK MAKLUMAT LANJUT BOLEH
BERHUBUNG DENGAN:**
Pn.Iza Azura binti Ahmad Bahar
019-8416974
izabahar@ums.edu.my





DISEDIAKAN OLEH: BIRO
PENERANGAN &
PERHUBUNGAN KAL

Program ini merupakan salah satu inisiatif Penceramah program iaitu Prof. Madya Dr. KESUMBA KAL dalam membantu para Syed Nasirin Syed Zainol Abidin merupakan pelajar lepasan SPM dan STPM 2023 di pensyarah kanan Fakulti Kejuruteraan Labuan tentang bagaimana untuk mengisi Informatik (FKI) telah memberi pendedahan borang UPU bagi tujuan untuk serta garis panduan seterusnya bagaimana mendapatkan tempat di IPTA Malaysia dalam membuat pilihan kursus yang kelak.

bersesuaian kepada para peserta yang hadir.

WALK N' TALK SIRI 4 SEMPENA PELANCARAN SAMBUTAN HARI WANITA PERINGKAT UMS TAHUN 2024



TARIKH AKTIVITI :
06 MAC 2024 (RABU)



DISEDIAKAN OLEH : BIRO SUKAN, SOSIAL &
REKREASI

Program Walk N' Talk ini adalah dianjurkan sepenuhnya oleh Pusat Sukan UMS di mana sempena Sambutan Hari Wanita Peringkat UMS tahun 2024, program ini dianjurkan bersama Pusat Sukan, Pejabat Canselori dan KESUMBA UMS yang diadakan pada 06 Mac 2024 (Rabu) bermula jam 4.15 petang, terbuka kepadasemua kakitangan UMS. Program ini dirasmikan oleh YBhg. Prof. Datuk Dr. Kasim Hj Mansor, Naib Canselor UMS.

PROGRAM JOM Sihat: 'Stretch With Me'

Tarikh Aktiviti : 06 Mac 2024 (Rabu)



Disediakan Oleh: Biro Penerangan & Perhubungan KAL

Pada 06 Mac 2024 lalu, Biro Sukan dan Kebudayaan KESUMBA KAL telah menganjurkan satu Program "Stretch with Me" untuk menerapkan gaya hidup sihat dan sebagai satu faktor kesedaran kepentingan sukan dan riadah dalam aspek kehidupan seharian.

Program ini juga merupakan salah satu inisiatif daripada Biro Sukan dan Kebudayaan KESUMBA KAL untuk mengadakan aktiviti kesukanan sebelum menjelang bulan ramadan dan sangat mudah diamalkan oleh semua golongan wanita terutama kepada ahli KESUMBA KAL

**Tarikh Aktiviti : 7 Mac 2024
(Khamis)**

Majlis Bacaan YAASIN & DOA SELAMAT

“

*Disediakan Oleh: Dg. Zuraidyah Haji
Mohd. Yunus, Setiausaha FPL*



Surau Al Hijrah FPL dengan kerjasama KESUMBA FPL telah mengadakan Majlis Bacaan Yaasin dan Doa Selamat pada 7 Mac 2024 bersamaan hari khamis bertempat di Surau Al- Hijrah. Majlis dikendalikan oleh al-fadhil Ustaz Mahmud Mahanis, Penolong Pegawai Unit Hal Ehwal Islam FPL dengan pengisian bacaan yaasin, solat Maghrib dan solat Isya berjemaah.

Dalam majlis tersebut turut diadakan tahlil dan doa selamat mohon dijauhkan dari segala keburukan, bala bencana, wabak penyakit dan lain-lain, diterima segala amalan kebaikan serta dipermudahkan segala urusan dalam kehidupan seharian, dunia dan akhirat.



PROGRAM HARI WANITA ANTARABANGSA

PERINGKAT KESUMBA FPL (BICARA WANITA)

TARIKH AKTIVITI : 8 MAC 2024 (JUMAAT)



**DISEDIAKAN OLEH: ARSIYMA
ABDUL, BIRO PENDIDIKAN DAN
PELAJARAN**

Bersempena dengan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa peringkat KESUMBA FPL, Biro Pendidikan dan Pelajaran telah menganjurkan Program Bicara Wanita dengan tema sambutan hari Wanita iaitu "Wanita Dijulang, Negara Gemilang". Bicara Wanita ini diadakan dengan konsep berkongsi pengalaman dalam topik-topik yang telah diketengahkan iaitu Pengurusan Keluarga dan Kerjaya oleh Puan Roslianah Opao, Pengurusan Keluarga Pasangan Jarak Jauh oleh Puan Jiklina Gimba dan Pengurusan Keluarga Berbeza Budaya oleh Puan Hesti Fuji Lestari.



Melalui perkongsian tersebut, dapat dilihat bahawa wanita merupakan tulang belakang dan pemangkin kepada kejayaan dan kecemerlangan sesebuah institusi keluarga dimana ianya seterusnya dapat menyumbang kepada pembangunan negara. Disamping itu, wanita mampu melaksanakan dan mengimbangi keperluan kerja dan keluarga selain keperluan budaya itu sendiri yang dilihat perlu diiktiraf dan dihebahkan. Program tersebut telah dihadiri oleh seramai 33 orang peserta dalam kalangan ahli KESUMBA FPL dan bukan ahli.



Tarikh Aktiviti : 08 Mac 2024 (Jumaat)

PROGRAM HARI WANITA KESUMBA KAL

DISEDIAKAN OLEH: BIRO PENERANGAN & PERHUBUNGAN KAL



Hari Wanita adalah hari yang diraikan setiap tahun pada 8 Mac. Bertemakan Hijrah Cinta Wanita pada tahun ini membawa pengertian bahawa semua wanita mempunyai kekuatan dan tekad untuk menjadi insan, isteri, ibu dan pekerja yang lebih baik yang seterusnya akan menghasilkan keluarga dan organisasi yang lebih kukuh dan mantap.



Terdapat pelbagai program menarik yang telah dianjurkan oleh KESUMBA KAL antaranya Ceramah Pengurusan Emosi dan Kesihatan Mental Wanita yang disampaikan oleh Dr Malani Shubana iaitu Pegawai Perubatan Jabatan Psikiatri, Hospital Labuan. Klinik Rawatan Warga UMSKAL juga berkesempatan mengadakan Mobile Clinic, selain itu aktiviti seperti jualan pre-love, kraftangan, gerai Kenali Ubat Anda daripada pegawai Farmasi Labuan dan DUTA, cabutan bertuah untuk ahli baharu dan lama serta cenderahati penghargaan kepada peserta yang hadir. Pengerusi Pn. Ku Chen Jung @ Nur Alliyah Ku menyampaikan kata aluan kepada peserta yang hadir dan slaid pengenalan serta gambar aktiviti-aktiviti KESUMBA KAL juga ditayangkan sebagai makluman dan hebahan kepada semua.





TARIKH AKTIVITI : 8 MAC 2024 (JUMAAT)

PROGRAM HARI WANITA ANTARABANGSA PERINGKAT KESUMBA FPL (JUALAN ISTIMEWA UNTUKMU)

Disediakan Oleh: Roslianah Opao, Ketua Biro Penerangan Dan Perhubungan Kesumba FPL

Jualan Istimewa Untukmu diadakan untuk memberi peluang kepada ahli Kesumba dan kakitangan FPL memberikan penghargaan kepada isteri dan rakan sempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa Peringkat Kesumba FPL. Jualan ini telah disampaikan kepada penerima secara eksklusif melalui Biro Penerangan Dan Perhubungan Kesumba FPL.



TARIKH AKTIVITI : 8 MAC 2024 (JUMAAT)

PROGRAM HARI WANITA ANTARABANGSA PERINGKAT KESUMBA FPL (PERLAWANAN PERSAHABATAN BADMINTON)

DISEDIAKAN OLEH: ROSNIE PHELEMON, KETUA
BIRO SUKAN, SOSIAL & REKREASI KESUMBA FPL

Biro Sukan, Sosial dan Rekreasi Kesumba FPL telah mengadakan Pertandingan Perlawanan Persahabatan Sempena Hari Wanita Antarabangsa bertempat di Dewan Serbaguna FPL. Pertandingan tersebut dibuka kepada ahli kesumba, warga FPL dan orang awam. Acara yang dipertandingkan hanyalah kategori bergu. Seramai 7 pasukan telah menghantar penyertaan dimana 5 pasangan terdiri daripada ahli kesumba dan 2 lagi penyertaan dari luar. Pasangan bergu dari luar, Yan dan Pika telah dinobatkan sebagai juara dan membawa pulang sebuah hamper bernilai RM50.00. Walaupun pasangan bergu kesumba hanya berjaya mendapat tempat ke-3, namun semangat kesukanan yang ditunjukkan oleh semua pasukan harus diberikan pujian. Dengan adanya aktiviti ini, ahli kesumba dapat bersukan sambil menimba pengalaman dalam pertandingan serta menjalinkan hubungan mesra sesama pemain.



PROGRAM TADARUS KESUMBA KAL

TARIKH AKTIVITI : 11 MAC - 2 APRIL 2024 / 1 RAMADAN - 26 RAMADAN 1445H (ISNIN-SELASA)

DISEDIAKAN OLEH: SETIAUSAHA
KESUMBA KAL



Menjelang bulan Ramadan Al-Mubarak 1445H ini, Program Tadarus Kesumba KAL diadakan bermula pada 1 Ramadan sehingga pada Ramadan 1445H yang diadakan secara fizikal bertempat Bilik Eureka, Podium Menara UMSKAL dan secara atas talian pada hujung minggu sahaja. Program ini dijadikan sebagai aktiviti tahunan yang mana menjadi pencetus kepada semua ahli Kesumba KAL agar membudayakan amalan membaca Al-Quran walau di mana sahaja berada dan dalam keadaan apa jua sekalipun. Semoga Allah S.W.T merahmati orang-orang yang menjadikan Al-Quran sebagai sebahagian dari kehidupannya.



Tarikh Aktiviti : 15 Mac 2024, Jumaat



Disediakan Oleh: Biro Pendidikan dan Pembelajaran

Suzanty Muin

15 MAC 2024, JUMAAT – Sempena sambutan Hari Wanita Peringkat Universiti Malaysia Sabah, Biro Pendidikan dan Latihan KESUMBA telah menganjurkan Seminar atas talian bertajuk Membina Tulang Yang Lebih Sihat : Kesedaran dan Pencegahan Osteoporosis. Objektif program adalah untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan wanita khususnya dan juga umum secara amnya berkenaan penyakit Osteoporosis.

Webinar : Membina Tulang yang Lebih Kuat Kesedaran dan Pencegahan Osteoporosis

Seminar ini disampaikan oleh penceramah iaitu Prof. Madya Dr. Malehah Mohd. Noh yang merupakan seorang pakar Rheumatologi dan juga Timbalan Pengarah (Klinikal) di Hospital Univesiti Malaysia Sabah. Dalam seminar ini, para peserta telah didedahkan dengan isu-isu berkenan Osteoporosis seperti pengenalan apa itu penyakit Osteoporosis, faktor risiko, tanda dan gejala, rawatan yang dicadangkan dan juga langkah-langkah pencegahan.

Seramai 278 peserta telah mengikuti seminar atas talian ini melibatkan ahli-ahli KESUMBA dan juga kakitangan UMS.



TARIKH AKTIVITI : 21 MAC 2024 (KHAMIS)

BAH! SUNGKAI KITA BUBUR LAMBUK 3.0!

DISEDIAKAN OLEH: BIRO PENERANGAN DAN PERHUBUNGAN

21 MAC 2024 (KHAMIS) - Sempena Bulan Ramadhan, Pusat Minda Lestari (PML) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan program Bah! Sungkai Kita Bubur Lambuk kali ketiga sejak 2022, Program ini merupakan tajaan Adabi Sabah Distribution Sdn. Bhd (Adabi) dan turut mendapat kerjasama daripada Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita UMS (KESUMBA), Kesatuan Kakitangan Am UMS (KEKAUMS), PPST, FPP dan PPIB.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah penyediaan bahan masakan, memasak, membungkus serta pengagihan bubur lambuk kepada semua warga UMS dan orang awam.

Program ini telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr. Kasim Mansor di pintu utama UMS, dan sebanyak 3,500 pek bubur lambuk diagihkan kepada pelajar dan kakitangan serta orang awam di Pintu Utama UMS.

Program ini juga salah satu aktiviti tanggungjawab sosial korporat di samping meraih keberkatan dan fadhilat dalam bulan Ramadhan Al-Mubarak. Dengan adanya pelaksanaan program ini dapat memberi manfaat kepada semua warga UMS dan agensi terlibat dalam menyemarakkan budaya bersedekah dalam bulan Ramadan Al-Mubarak,

Tarikh Aktiviti : 29 Mac 2024 (Jumaat)

PROGRAM ZIARAH RAMADAN 1445H KESUMBA KAL

Disediakan Oleh: Setiausaha KESUMBA KAL

KESUMBA KAL mengambil inisiatif mengimarahkan bulan yang mulia ini dengan mengadakan Program Ziarah Ramadan 1445H. Program Ziarah Ramadan ini adalah untuk mengunjungi anak-anak yatim dan anak kurang upaya yang di antaranya merupakan anak mantan kakitangan UMSKAL yang telah meninggal dunia serta anak ahli KESUMBA KAL disamping memberikan sedikit sumbangan sempena bulan Ramadan 1445H.



Hasil sumbangan berupa hamper dan wang tunai daripada seluruh ahli Kesumba KAL telah diserahkan oleh pengerusi Kesumba KAL iaitu Pn. Ku Chen Jung @ Nur Alliyah Ku. Program ziarah ini telah disertai oleh beberapa ahli Kesumba KAL yang ingin turut sama ingin merasai pengalaman beramah mesra bersama dengan anak-anak penerima sumbangan tersebut.



MAJLIS KHATAM AL-QURAN BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN IHYA RAMADAN PERINGKAT UMS 1445H/2024M

II

Majlis Khatam Al-Quran bersempena dengan Sambutan Ihya Ramadan peringkat UMS 1445H/2024M anjuran KESUMBA dan Pusat Islam UMS telah berlangsung dengan jayanya pada 1 April 2024 (Isnin). Majlis Khatam Al -Quran ini turut diserikan dengan kehadiran Yang Dipertua KESUMBA, YBhg Datin Dr Aidah Mohd Ali. Tadarus Al-Quran ini telah bermula dari 1 Ramadhan dan disertai oleh ahli-ahli KESUMBA.



TARIKH AKTIVITI : 01 APRIL 2024 (ISNIN)

MAJLIS BERBUKA *PUASA* *KESUMBA KAL*

Setiap tahun menjelang bulan Ramadan, pelbagai program telah diadakan bagi memeriahkan dan memuliakan bulan yang penuh berkat ini. KESUMBA KAL juga tidak ketinggalan untuk mengadakan pelbagai program bagi menarik kemasukkan ahli baharu ke Kelab KESUMBA KAL.



Antara program tahunan iaitu Majlis Berbuka Puasa KESUMBA KAL 2024. Bertemakan jamuan secara 'Potluck' secara tidak langsung dapat mengikat hubungan silaturrahim yang mesra antara sesama ahli KESUMBA KAL. Dengan kehadiran keluarga ahli KESUMBA KAL secara tidak langsung bukan sahaja hanya dapat menikmati juadah yang disediakan malah dapat mencipta memori baharu bersama rakan-rakan ahli yang lain terutama kehadiran keluarga tersayang.

TARIKH AKTIVITI : 02 APRIL 2024 (KHAMIS)

BAZAR RAYA KESUMBA

DISEDIAKAN OLEH:

BIRO PENERANGAN DAN PERHUBUNGAN



02 APRIL 2024 (SELASA) – Sempena menyambut Hari Raya yang bakal tiba, menerusi Biro Penerangan dan Perhubungan, Biro Sukan Sosial & Rekreasi dan Biro Kesenian dan Kebudayaan telah menganjurkan Program Bazar Raya Kesumba yang berlangsung bermula pada 02 April 2024 sehingga 05 April 2024 bertempat di Auditorium Pasca.

objektif diadakan Bazar Raya Kesumba ini adalah untuk menghidupkan suasana kampus bersempena bulan Ramadhan dan Persiapan Sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan menyediakan kemudahan serta kelengkapan sempena hari raya dan membeli pelbagai juadah untuk berbuka puasa.

program Bazar Raya Kesumba ini juga dapat membuka peluang kepada golongan pelajar dan juga staf universiti untuk berniaga di bulan ini bagi menambah pendapatan.



PROGRAM IHYA RAMADAN

TAZKIRAH

Andai Ini Ramadan Terakhirku

3 APRIL 2024 (RABU) 10.00 PAGI BILIK EUREKA

PENCERAMAH :
ENCIK MUHAMMAD SYAHMI SAIFUL ANUAR
EKSEKUTIF KANAN ZAKAT UNIT LABUAN
PUSAT PUNGUTAN ZAKAT- MAIWP

Ahli KESUMBAKAL dan
Kakitangan UMS KAL
dijemput hadir



Bagi menghayati bulan Ramadan pada tahun ini, Biro Kerohanian dan Pembangunan Insan telah mengadakan satu Program Ihya Ramadan KESUMBA KAL 1445H. Penceramah jemputan adalah daripada pegawai Pusat Pungutan Zakat (PPZ) MAIWP WP Labuan iaitu En. Muhammad Syahmi Saiful Anuar menyampaikan ceramah bertajuk, "Andai Ini Ramadan Terakhirku" bertujuan untuk menyuntik semangat para peserta bagi menjalani Bulan Ramadan dengan penuh penghayatan.


Disamping itu, Pusat Pungutan Zakat (PPZ) juga telah membuka kaunter zakat yang bermula pada 9.00 pagi sehingga 2.00 petang bagi memudahkan kakitangan UMSKAL membayar zakat.

PROGRAM IHYA' RAMADAN 1445H KESUMBA KAL

TAMU KESUMBA FPL

Tarikh Aktiviti : 6 April 2024, 27 April 2024 dan 25 Mei 2024
(Setiap Hari Sabtu)

Disediakan Oleh: Dr Siti Suliza Salamat, Ketua Biro Perhubungan & Penerangan KESUMBA FPL



Tamu KESUMBA FPL diteruskan lagi dengan penjenamaan semula nama kepada Tamu Uptown @ My Rakyat yang mana kali ini KESUMBA FPL bekerjasama dengan Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan Pelajar (PKPKP) UMS dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Sabah. Tujuan tamu ini adalah untuk membangun ekonomi bersama Masyarakat Sandakan amnya. Tamu ini turut disasar sebagai aktiviti untuk mengasah bakat keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti.

Sebanyak 10 gerai FAMA, 8 gerai komuniti, 1 gerai KESUMBA FPL dan beberapa buah food truck yang akan menyertai bazar berkenaan yang terdiri daripada staf, pelajar, ahli KESUMBA FPL dan beberapa orang peniaga luar. Semasa tamu berlangsung juga diadakan jualan kombo rahmah FAMA yang bernilai RM20 sahaja.

Tamu ini menjadi platform kepada peniaga dan pelajar untuk menimba pengalaman berniaga dan menjana pendapatan sekali gus meningkatkan kemahiran dalam bidang keusahawanan.

MAJLIS HARI RAYA AIDILFITRI DAN KHATAM AL QURAN KESUMBA KAL

Tarikh Aktiviti : 09 Mei 2024 (Selasa)

KESUMBA KAL telah membuktikan hari ini bahawa keharmonian dapat dipupuk melalui pelbagai sambutan perayaan dengan mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri serta Majlis Khatam Al-Quran secara beramai-ramai peringkat **KESUMBA KAL**.

Majlis yang diadakan di perkarangan Cafe 11' telah menarik pelbagai lapisan bangsa dan agama ahli **KESUMBA KAL** untuk hadir ke majlis tersebut.



Jamuan yang berkonsepkan 'potluck' itu berjaya memperlihatkan kerjasama semua ahlinya dengan menyajikan pelbagai juadah tradisional dan moden yang terkenal di Malaysia di bawah satu Kelab **KESUMBA KAL**.

TARIKH AKTIVITI :15 MEI 2024 (RABU)

DISEDIAKAN OLEH: SANTY KARIM,
PENOLONG SETIAUSAHA KESUMBA FPL

BIRTHDAY SURPRISE PENGGERUSI KESUMBA



Alih kesumba yang terdiri daripada Ketua biro dan AJK telah meraikan hari ulang tahun kelahiran Pengerusi Kesumba FPL, Pn. Anika pada 15 Mei 2024 bertempat di kediaman beliau di Kuarters, FPL. Kunjungan diadakan bagi bersama-sama meraikan hari yang bermakna tersebut sambil bertanya khabar dan mendoakan agar pengerusi diberikan kesembuhan dan kesihatan.





KEJOHANAN LIGA SUKAN KOMUNITI

BAHAGIAN PANTAI BARAT TAHUN 2024 (BOLA TAMPAR WANITA)

Tarikh Aktiviti : 08 Jun 2024 (Sabtu)

Disediakan Oleh : Biro Sukan, Sosial & Rekreasi

Program Kejohanan Liga Sukan Komuniti Bahagian Pantai Barat pada tahun 2024 telah diadakan pada 08 Jun 2024 bertempat di Dewan Kompleks Tun Adnan Yayasan Sabah. Seramai 16 pasukan telah mengambil bahagian dalam kejohanan tersebut. Tidak ketinggalan wakil daripada KESUMBA untuk melibatkan diri dalam kejohanan bola tampar wanita dan telah mendapat tempat ketiga.



Tarikh Aktiviti : 26 Jun 2024 (Rabu)

PROGRAM ECO ECHOES BERSAMA EXCO DAN AHLI KESUMBA FPL

**Disediakan oleh: Shahida Mohd. Sharif, AJK
Biro Penerangan dan Perhubungan**

Kempen Kampus Hijau telah berlangsung pada 26 Jun 2024 bertempat di hadapan Perpustakaan. Program ini merupakan inisiatif FPL untuk menghijaukan kampus melalui penanaman pokok landskap. Aktiviti ini melibatkan komuniti kampus yang terdiri daripada kakitangan dan pelajar Hortikultur dan Landskap.



Penyertaan kakitangan dan pelajar FPL dalam aktiviti penanaman pokok ini adalah penting untuk melatih dan mengembangkan semangat pro-alam sekitar di kalangan komuniti kampus.

Acara ini melibatkan pelbagai pihak daripada komuniti kampus termasuk Perpustakaan Kampus Sandakan yang diketuai oleh Encik Muhammad Syafaruddin Mahali, Sektor Pengurusan Ladang yang diketuai oleh Cik Santy Karim, KESUMBA FPL yang diketuai oleh Puan Dg. Zuraidyah Haji Mohd. Yunus, para pelajar dan pensyarah.

"HUMS HEARTS & HEROES @ DOWN SYNDROME"

Tarikh Aktiviti : 29 Jun 2024 (Sabtu)

*Disediakan Oleh:
Penolong Setiausaha
Kehormat KESUMBA*

Pada 29 Jun 2024, bertempat di Pantai ODEC UMS, Jabatan Pediatrik UMS dengan kerjasama Pusat Uberisasi HUMS, Persatuan Sindrom Down Kota Kinabalu dan KESUMBA telah mengadakan sebuah program yang bernama " HUMS Hearts & Heroes @ Down Syndrome" bagi meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap Sindrom Down



Majlis dirasmikan oleh Dr Abdul Jabbar bin Ismail, Timbalan Pengarah Klinikal HUMS, diiringi dengan Prof Kew Seih Teck, Ketua Jabatan Pediatrik HUMS dan Dr Fauziah binti Zainal Abidin, Pengerusi Persatuan Sindrom Down Kota Kinabalu

Pelbagai aktiviti menarik seperti Senamrobik, Sukaneka dan juga Cabutan Bertuah. Majlis juga diceriakan dengan persembahan badut, Face painting dan Balloon animals

Turut serta dalam program tersebut adalah Pusat Champ HUMS yang membuka sebuah booth bagi mempromosikan perkhidmatan mereka dan juga wakil daripada Nestle



" PELANCARAN KESUMBA CARE 4.0 "



Disediakan Oleh : Penolong Setiausaha Kehormat KESUMBA dan
Biro Hal Ehwal Agama dan Kebajikan KESUMBA

Sebanyak 6 ahli KESUMBA yang tinggal di kawasan terjejas banjir sekitar Penampang, Inanam, Manggatal dan Tuaran telah menerima sumbangan daripada KESUMBA dan HUMS bersempena dengan pelancaran KESUMBA CARE 4.0 pada 1 April 2024.

Sumbangan tersebut terdiri daripada keperluan asas harian termasuk makanan dan kit penjagaan diri.

Penyampaian sumbangan ini telah diserahkan oleh Dr Muhammad Syafiq Abdullah, Pengarah Uberisasi HUMS ditemani Biro Hal Ehwal Agama dan Kebajikan KESUMBA, Puan Noorisah Taljid dan Penolong Setiausaha Kehormat KESUMBA, Puan Nurul Izza Md Nordin.



MAJU SEHATI

Di sudut yang gemilang Lahir sebutir
mutiara Namamu kecil Namun jiwa besar
Lambang kekuatan serikandi bangsa

Bertekad dan berjuang Dalam persada
pemodenan Sepakat bersama Menuju
kejayaan KESUMBA menghulur salam
perkenalan

(Chorus)

Jasa ditabur namamu diukir Untuk semua
bukan sendiri Menjadi panduan dan juga
pedoman Maju sehati dan sejiwa

Kecil tua dan muda Bergandingan bahu
bersama Pangkat dan harta Bukanlah
ukuran KESUMBA maju sehati dan sejiwa



**LAGU: PROF. MADYA ABDUL JAMAL ABD.
HAMID LIRIK: DR. ANDIKA AZIZ HUSSIN**